

# Penuhi syarat perkasa IPT sebagai 'universiti idaman'

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani  
bhrencana@bh.com.my

**Ke mana hala tuju pendidikan tinggi negara?** QS World University Rankings 2027 yang baharu dikeluarkan menunjukkan naik turun pencapaian universiti tempatan dalam persaingan global.

Apa terhasil hari ini adalah kesan daripada perancangan terdahulu. Secara umumnya, pencapaian universiti tempatan dapat menunjukkan Malaysia kini sedang meningkat naik sebagai hab pendidikan tinggi di Asia Tenggara.

Bagi memacu lebih jauh, satu perancangan jitu harus dimulakan bagi merangsang kecemerlangan berkenaan, meskipun hambatan bajet sering menghantui universiti tempatan. Terdengar pengumuman bajet universiti tempatan akan dipotong sebanyak 20 peratus yang dilihat menyukarkan perancangan kecemerlangan pendidikan negara lantas mampu menjejaskan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dirancang.

Dari segi dasar, Malaysia jelas meletakkan hala tujunya bagi masa hadapan. Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 diluncurkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 Januari 2026. Dasar ini dibangunkan sebagai kesinambungan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), iaitu rangka dasar 10 tahun.

RPTM 2026-2035 menggariskan lonjakan transformasi dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia, bagi memastikan pendidikan tinggi terus relevan, berdaya saing, berdaya tahan dan siap siaga masa hadapan.

Ia dibangunkan melalui proses kolaboratif dan perundingan dipacu 181 pemikir terkemuka Malaysia yang turut membabitkan 8,226 pihak berkepentingan. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir menyatakan RPTM 2026-2035 ialah pelan tindakan pertama dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran tempatan, selain membabitkan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor.

Menurut Zambry, antara fokus utama pelan berkenaan adalah memperkukuh literasi digital serta memastikan pendidikan tinggi Malaysia mencapai tahap pengiktirafan antarabangsa.

Beliau menjelaskan RPTM dibina berteraskan tiga teras utama, iaitu nilai kemanusiaan, dipacu matlamat dan membina negara bagi memastikan siswazah bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran kerja, malah memiliki jati diri dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

Melihat kepada ucapan Perdana Menteri itu, ia menjelaskan RPTM 2026-2035 adalah reaksi pendidikan tinggi negara kepada perkembangan pesat teknologi dan perubahan masyarakat dalam era pascanormal, Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan Masyarakat 5.0.

Ini mendesak perubahan pendekatan pendidikan tinggi negara bagi menghadapi cabaran dan persaingan global pada masa hadapan. Dalam mengejar perubahan ini, kita juga tidak mahu merubah jati diri rakyat dan negara meskipun rakyat sekarang terdedah dengan sentimen global yang tersebar melalui media sosial.

Kini dengan pendedahan mengenai kecerdasan buatan (AI) yang boleh menyebabkan sebahagian ilmu semakin terancam dan hilang sambutan. Di-khabarkan bidang tertentu seperti matematik, undang-undang, dan perakaunan semakin terancam dengan kemunculan AI yang menyamai tahap ke-

pintaran pelajar sarjana muda di universiti. Kapasiti pemikiran dan kecerdasan AI dilihat akan terus meningkat pada masa hadapan.

## Lahir ilmuwan setanding peringkat global

Selain cabaran teknologi, timbul juga cabaran untuk Malaysia menghasilkan ilmuwan setanding pada peringkat global. Pernah dicadangkan untuk Malaysia bergerak melahirkan seorang pemenang Hadiah Nobel.

Malah, Malaysia juga harus melahirkan universiti ternama setanding universiti terkenal dunia. Misalnya Universiti Utara Malaysia (UUM) pernah dicanangkan untuk menjadi Harvard of the East.

Sebenarnya yang paling penting disyorkan melalui agenda Malaysia MADANI adalah melahirkan tokoh ilmuwan ternama yang bukan sahaja menguasai ilmu semasa, malah menjadi autoriti kepada ilmu berkenaan dan diikuti keintelektualan-nya.

Kita pernah ada tokoh besar ini seperti Pendeta Zaaba, Prof Diraja Ungku Aziz dan Dr Syed Hussein Alatas. Syed Hussein Alatas misalnya disanjung di serata dunia sebagai tokoh pengajian pascakolonial.

Beliau melahirkan penulisan seperti *Mitos Peribumi Malas* yang menjadi sumber inspirasi kepada penulisan tokoh dunia. Edward Said misalnya menulis buku terkenal *Orientalism* mendapat inspirasi daripada penulisan Syed Hussein Alatas. Secara umumnya, Malaysia sekarang dalam usaha melahirkan ramai tokoh sedemikian untuk meningkatkan tahap intelektual nusa dan bangsa.

Hambatan ini membawa kepada kita menilai semula peranan universiti di bawah RPTM 2026-2035 supaya terus melahirkan keserjanaan dan memperhebatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan berinovasi yang menjadikan Malaysia terus setanding dengan negara maju lain.

Melihat usaha ini, saya mengesyorkan satu konsep dikenali universiti idaman (*imagined university*). Saya mula membincangkan konsep ini pada 4 Jun 2024 dalam satu syarahan di UUM.

Terdapat beberapa syarat dalam membentuk universiti idaman ini.

- Pertama, kerajaan dan universiti haruslah memperkasakan akademik. Program akademik sama ada pada peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah haruslah bertahap tinggi yang menerima pengiktirafan global dan domestik merangkumi bidang sama ada sains dan teknologi serta sains sosial.

Tahap cemerlang akreditasi antarabangsa dan negara haruslah dicapai bagi pengiktirafan kepada bidang ilmu yang mendasari program ditawarkan di universiti. Idea mencetuskan satu tahap bidang ilmu haruslah diterapkan dan dikuasai sehingga menjadi dominan dan diiktiraf antarabangsa.

Contohnya sekumpulan sarjana membawa aliran pemikiran seperti Chicago School, Frankfurt School dan Copenhagen School terlahir melalui program akademik terhasil daripada idea akademik yang cuba menjelaskan fenomena dunia khususnya dari segi ekonomi, politik dan keselamatan.

- Kedua, kemampuan intelektual dan pemikiran dibina tidak akan terhasil tanpa terlahirnya tokoh besar mendokong idea dan agenda dibawa. Banyak usaha dan pelaburan harus digembleng bagi melahirkan bakat ini.

Seharusnya bakat intelektual tempatan mampu melahirkan pemikiran jelas mencerminkan bentuk pemikiran acuan Malaysia. Melahirkan bakat ini selari dengan kehendak MADANI yang dihuraikan *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* yang bermaksud 'maju dari segi pemikiran, kerohanian, akhlak dan kebendaan (mengenai masyarakat, generasi dan sebagainya)'.  

- Ketiga, universiti di Malaysia harus bergerak ke arah global dan bersaing dengan universiti terkenal dunia. Dalam satu persidangan antarabangsa PIE Live Asia Pacific 2025 yang saya hadir di Gold Coast, Australia, universiti di Australia sudah melihat universiti di Malaysia sebagai pesaing mereka dan mula ingin belajar dari Malaysia bagaimana secara senyap dan pantas membangunkan universiti yang kemudiannya dapat bersaing dengan mereka.

Pihak Jepun juga melihat pendidikan tinggi di Malaysia sebagai sangat berkualiti setaraf dengan universiti di Barat seperti di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS). Tarikan Malaysia ialah kos pendidikan tinggi berpatutan dan rendah.

Di sini jelas, universiti Malaysia mampu bergerak pantas dengan lebih jauh lagi sekiranya diberikan ruang dan peluang memajukan universiti dan melahirkan bakat bertaraf global.

- Keempat, untuk melahirkan bakat dan mewujudkan universiti unggul serta terkemuka, bantuan dan dukungan masih lagi diperlukan daripada kerajaan, swasta dan masyarakat. Jadi ekosistem universiti haruslah kondusif dalam melahirkan bakat holistik dari segi nilai dan adab.

Kolaborasi antara disiplin pula dibina melalui jaringan kerjasama dengan rakan universiti khususnya daripada industri dan masyarakat. Oleh itu, pembelajaran sepanjang hayat, membekalkan siswazah dengan kemahiran untuk ekonomi digital dan berasaskan pengetahuan, serta melahirkan pendidikan berdaya tahan, mampan, adaptif dan berdaya saing pada peringkat global perlulah terus diusahakan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

